

08/10/1997

Malaysia bukan tempat uji kehebatan

SIKAP tegas dan konsisten Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap media asing memang sudah jelas. Demi menegakkan kebenaran, beliau tidak tunduk kepada sebarang percubaan media asing untuk menyingkirkannya. Daripada sokongan padu rakyat terhadap Dr Mahathir bagi menangani krisis kejatuhan nilai mata wang, membuktikan rakyat terlalu memerlukan kepemimpinan Perdana Menteri. Sudah tentu, beliau menghargai harapan rakyat dan tidak akan lari daripada masalah yang perlu ditanganinya. Sokongan rakyat memberikan beliau semangat untuk meneruskan perjuangan menentang sebarang kepincangan yang berlaku dalam pasaran wang hari ini. Jaminan beliau, masalah itu akan diatasi. Sebagai rakyat, kita seharusnya memberi sokongan yang tidak berbelah-bagi agar Dr Mahathir terus menentang sebarang percubaan asing untuk mencetuskan masalah di negara ini.

Pada kita, bukanlah tugas media asing untuk menentukan corak kepemimpinan negara. Media asing seharusnya faham mengenai sistem negara ini dan tidak berhak memberi pendapat yang bercanggah dengan sentimen rakyat. Rakyat tidak akan membenarkan media asing mencetuskan sebarang perbalahan dengan niat untuk mengucar-kacirkan negara ini. Rakyat boleh meminta kerajaan bertindak terhadap mereka sebagaimana dilakukan di beberapa negara lain, tetapi kita memikirkan itu bukanlah caranya.

Kita berharap mereka bersikap lebih bertanggungjawab yang diterima sebagai falsafah kebanyakan media hari ini. Selepas menolak sistem autoritarian, libertarian dan komunis, kita seharusnya mempraktikkan sistem tanggungjawab sosial dengan berkesan. Kita sudah meninggalkan jauh sistem dunia autoritarian yang menonjolkan keadaan berat sebelah. Apakah media asing mahu terus menjadi 'budak suruhan' sebagaimana diamalkan dalam sistem authoritarian itu. Dalam sistem media yang mementingkan tanggungjawab sosial, media asing seharusnya akur dengan kehendak masyarakat. Mereka perlu sedar bahawa dalam sistem media yang bertunjangkan tanggungjawab sosial, media seharusnya dikawal oleh pendapat umum dan tindakan pengguna (rakyat).

Pengamal media patut buat keputusan berasaskan kepentingan ini, bukan kepentingan pihak tertentu sebagaimana dalam sistem autoritarian atau pengamal media sendiri diberi kuasa autonomi dalam sistem libertarian atau keputusan parti dalam sistem komunis.

Kita ingin mengingatkan media asing, Malaysia bukanlah tempat sesuai untuk mereka menguji kehebatan. Kita mempunyai corak pemikiran sendiri berasaskan sistem budaya yang begitu kukuh. Kita akui daripada beberapa peristiwa dunia, media asing terbukti menjadi ejen mempercepatkan sesuatu proses penukaran kerajaan, menjatuhkan kerajaan dan menjadikan sesebuah kerajaan tidak stabil. Media asing membuat ramalan yang negatif, bertanya kepada pemimpin tertentu dengan niat melaga-lagakan pendapat bagi menampakkan ketidak sehaluan aliran pemikiran, mencetuskan perasaan tidak puas hati rakyat, berusaha melemahkan ekonomi dan politik dan sebagainya. Terbaru, tulisan provokasi mereka cuba mengurangkan keyakinan pelabur terhadap kukuh ekonomi di rantau Asia. Malaysia adalah salah sebuah negara ditentang hebat oleh media asing. Kita yakin mesti ada sebabnya. Inilah yang kita katakan agenda media asing.

Bagi mereka Dr Mahathir adalah penghalang kepada usaha untuk meneruskan agenda mereka memperlambatkan pertumbuhan ekonomi rantau ini, bermula dengan mengenakan tekanan ekonomi dengan cara melemahkan nilai mata wang negara di rantau ini. Bagi mereka, selagi Dr Mahathir masih berkuasa di

Malaysia, agenda mereka akan terbantut apabila pandangan mereka diserang balas.

Dengan memperkatakan terlalu banyak mengenai Dr Mahathir, secara sendiri membuktikan Perdana Menteri adalah sasaran utama mereka. Bagi media asing, mereka tidak mahu idea dan pengaruh Dr Mahathir diterima di negara lain. Kita tidak menyalahkan pemimpin negara lain yang tidak selantang Dr Mahathir menegur media asing atau negara kaya. Mereka mungkin mempunyai alasan untuk berdiam diri. Media asing juga tidak seharusnya menjadikan Dr Mahathir sebagai sasaran kerana beliau melaksanakan tugasnya untuk membetulkan kepincangan. Kita mencabar media asing supaya kali ini menerima idea Dr Mahathir menentang manipulator pasaran wang dan menjadikan agenda baru untuk menegakkan keadilan.

Daripada menekan Dr Mahathir, lebih baik mereka menyiasat corak manipulasi yang dijalankan manipulator pasaran wang yang sudah banyak menyusahkan negara tertentu.

(END)